

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

SPU306 - Politik Perhubungan Utara-Selatan

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan semuanya.

1. Dailog Utara-Selatan tentang cadangan untuk mewujudkan satu Orde Baru Ekonomi Dunia dikatakan bermula pada tahun 1974 dan tamat pada tahun 1979.
 - (I) Kenapa Selatan telah menimbulkan cadangan tersebut dan apakah sambutan Utara?
 - (ii) Bincangkan perkembangan-perkembangan yang telah membawa kepada tamatnya dailog itu.
 - (iii) Dapatkah dailog Utara-Selatan dihidupkan semula?
[100 markah]

2.
 - (i) Kenapa bantuan dan konsesi-konsesi perdagangan dianggap perlu bagi pembangunan Selatan?
 - (ii) Sejauhmanakah bantuan dan konsesi-konsesi perdagangan yang ditawarkan oleh Utara telah memenuhi keperluan-keperluan Selatan? Berikan hujah-hujah untuk menyokong pendapat anda.
[100 markah]

...2/-

[SPU 306]

3. Pelaburan asing Perusahaan Transnasional (PTN) Barat adalah satu isu yang diperdebatkan di negara-negara Selatan sedangkan sumbangan PTN Barat itu kepada kemakmuran negara rumahtangganya dipertikaikan di Utara, khususnya di Amerika Syarikat. Kenapa tingkahlaku PTN Barat tersebut telah menimbulkan kontroversi di Selatan dan Utara?

[100 markah]

4. (i) Apakah tujuan-tujuan Dialog Selatan-Selatan?
- (ii) Bincangkan usaha-usaha Selatan untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut.
- (iii) Sejauh manakah tujuan-tujuan itu telah dicapai? Berikan alasan-alasan bagi pandangan anda.

[100 markah]

5. Bincangkan usaha-usaha Amerika Syarikat dalam meyakinkan negara-negara Selatan untuk memberi perlindungan lebih ketat kepada Hakmilik Intelektual (Intellectual Property Rights) dan alam sekitar (Dalam berbuat demikian, berikan perhatian kepada hujah-hujah yang dibentangkan Amerika Syarikat dan langkah-langkah yang dilaksanakannya untuk mempengaruhi tingkahlaku Selatan. Selepas itu, analisisan sejauh manakah Amerika Syarikat telah berjaya dalam usaha tersebut).

[100 markah]

-- oo oOo oo --